

R B204 DEB
MAHATHIR - UMNO

KUALA LUMPUR, 12 JUN (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO MALAM INI MEMBUAT KEPUTUSAN MENANGGUHKAN PERHIMPUNAN AGONG UMNO YANG DIJADUALKAN PADA 24 HINGGA 27 JULAI KEPADA 31 JULAI HINGGA 3 OGOS.

PRESIDEN UMNO YANG JUGA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, PENANGGUHAN ITU KERANA ISTIADAT PERSANDINGAN DIRAJA ANTARA TENGGU MAHKOTA PAHANG DENGAN PUTERI KETIGA YANG DI-PERTUAN AGONG AKAN DIADAKAN PADA WAKTU ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT MT UMNO DI SRI PERDANA DI SINI, MESYUARAT JUGA MELANTIK PARA ANGGOTA JAWATANKUASA UNTUK MENGENDALIKAN PEMILIHAN PEMUDA AND WANITA UMNO.

JAWATANKUASA YANG DIPENGERUSIKAN OLEH SPEAKER DEWAN RAKYAT TAN SRI DATUK MOHAMED ZAHIR ISMAIL ITU TERDIRI DARIPADA TAN SRI KADIR YUSOF, TAN SRI MOHAMED KHIR JOHARI, TAN SRI FATIMAH HASHIM, TAN SRI AISHAH GHANI, JEN TAN SRI HAMID BIDIN DAN TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MESYUARAT JUGA MENERIMA BEBERAPA ORANG ANGGOTA BARU PARTI.

MEREKA IALAH TIGA BEKAS ANGGOTA PSRM ENCIK ABDUL RAHMAN YUNUS, ENCIK OSMAN ISMAIL DAN ENCIK KAMARULZAMAN YAAKOB SERTA DUA ORANG BEKAS ANGGOTA PAS ENCIK JAMALUDDIN MOHAMED DIAN DAN ENCIK BAKAR SALLEH. -- BERNAMA

0151MST 13 06 86